	HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA Kod Dokumen: HSAAS/RADIO/AK26
	ARAHAN KERJA PENGENDALIAN PEMERIKSAAN RADIOLOGI

1.0 TUJUAN


Arahan Kerja ini merangkumi semua panduan kepada kakitangan Jabatan Radiologi bagi perkara pengurusan pengendalian pemeriksaan radiologi dilakukan secara efisien dan berkesan.

2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN *(sekiranya perlu sahaja)*

PTPO	: Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
JX	: Juru X-Ray
PPK	: Pembantu Perawatan Kesihatan
MO	: Pegawai Perubatan
P	: Pakar
PutraHIS-HSAAS	: <i>Hospital Information System</i>
LMP	: <i>Last Menstrual Period</i>
JT	: Jururawat Terlatih
PPP	: Penolong Pegawai Perubatan

3.0 ARAHAN

Bil	Tindakan	Tanggungjawab
1.	Terima borang permohonan beserta borang keizinan pesakit (jika berkenaan).	PTPO
2.	2.1 Semak permohonan dan kenalpasti maklumat berikut adalah betul dengan pesakit: <ul style="list-style-type: none"> ● Nama Pesakit ● Nombor Kad Pengenalan ● Nombor MRN 2.2 Kenalpasti maklumat pemeriksaan adalah sah dan lengkap: <ul style="list-style-type: none"> ● Indikasi Klinikal ● Modaliti Pengimejan yang diperlukan ● Tanda tangan pemohon ● Nama pakar perubatan yang terlibat 2.3 Maklumkan serta merta kepada jabatan/unit yang memohon sekiranya maklumat di atas tidak lengkap.	PTPO
3.	Daftar pemeriksaan pesakit di PutraHIS-HSAAS.	PTPO
4.	Selesaikan urusan pembayaran dan serahkan resit pembayaran kepada pesakit (jika perlu)	PTPO
5.	Beri nombor QMS kepada pesakit dan arahkan pesakit menunggu di ruang menunggu pemeriksaan yang disediakan.	PTPO

	HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA Kod Dokumen: HSAAS/RADIO/AK26
	ARAHAN KERJA PENGENDALIAN PEMERIKSAAN RADIOLOGI

Bil	Tindakan	Tanggungjawab
6.	Pastikan permohonan pemeriksaan pesakit dipaparkan di PutraHIS-HSAAS	JX
7.	Panggil pesakit ke bilik pemeriksaan melalui nombor QMS atau secara lisan.	JX
8.	Kenalpasti perkara berikut bersama pesakit: <ul style="list-style-type: none"> • Minta pesakit menyebut nama untuk pengesahan • Sahkan anggota/bahagian pemeriksaan bersama pesakit 	JX
9.	Kenalpasti perkara berikut bersama pesakit mengikut kriteria berikut 9.1 Pesakit Wanita: Pastikan pesakit tidak mengandung. Sahkan tarikh LMP pesakit 9.2 Pemeriksaan menggunakan agen media kontras: Borang keizinan menjalankan prosedur radiologi yang memerlukan pemberian kontras media HSAAS/RADIO/BR02 telah lengkap. 9.3 Pesakit yang ada sejarah alahan terhadap makanan/ubatan/sejarah asma: ubat premedikasi sebelum pemeriksaan telah diambil. 9.4 Pemeriksaan MRI: Senarai semak saringan sebelum pemeriksaan telah lengkap dan borang persetujuan melakukan pemeriksaan dengan implan (jika ada) telah ditandatangani.	JX
10.	Arahan pesakit menukar pakaian dan menanggalkan aksesori (jika ada)	JX
11.	Pasang <i>branula</i> untuk persediaan pemberian agen media kontras secara intravena ke atas pesakit.	JT/PPP
12.	Daftar data pesakit dalam modaliti.	JX
13.	Jelaskan secara ringkas prosedur pengimejan kepada pesakit.	JX/PPK
14.	Posisikan pesakit mengikut pemeriksaan.	JX/JT/PPP
15.	Laksanakan pemeriksaan pengimejan dan pastikan keselamatan pelanggan dan staf di sekeliling.	JX
16.	Sahkan imej yang betul dan tepat. Proses imej dan hantar imej ke sistem PACS.	JX
17.	Sahkan Borang Permohonan Pemeriksaan Radiologi dan serahkan kepada MO untuk proses laporan.	JX
18.	Arahan pelanggan ke lokasi seterusnya dan proses tamat.	JX